

Mohon tanah: Tak ada beza antara menteri atau rakyat

U.M. 27 OCT 1977

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa tidak ada perbezaan antara menteri atau rakyat biasa untuk membuat permohonan memiliki tanah di negara ini.

Tegasnya, tiap-tiap orang rakyat negara ini berhak memiliki sekeping tanah.

KUALA LUMPUR
26 OKTOBER

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan dari Encik Lim Kit Seng [DAP-Kota Melaka] dalam soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab pertanyaan asal dari ahli yang sama, beliau menekankan bahawa dari segi undang-undang, menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri seperti ahli-ahli Dewan dan rakyat biasa juga tidak dilarang dan berhak memohon tanah kerajaan dari kerajaan-kerajaan negeri misalnya untuk tapak rumah kediaman.

"Oleh kerana menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri tiada apa-apa kuasa atas kelulusan permohonan tanah maka terpulanglah kepada pihak berkuasa di negeri menimbangkannya," ujar beliau.

Beliau menerangkan, tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Johor kepada Menteri Undang-Undang dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian di bawah hak milik tersebut ialah 8,000 kaki persegi seorang, untuk tapak rumah separuh-kekil di pantai Siakap tiga batu dari bandar Mersing.

Kawasan itu adalah tanah pasir dan belum ada apa-apa jalan atau kemudahan.

Tanah kawasan itu menurutnya, dikeluarkan kepada 40 permohonan-permohonan termasuk 2 orang menteri tersebut dan bukan kawasan yang telah dipohon oleh nelayan Mersing atau sesiapa pun.

Kedua-dua menteri tersebut adalah rakyat Johor.

Tujuan Menteri-Undang-Undang memohon tapak rumah ialah untuk mendirikan satu rumah kayu dalam kawasan pilihanrayanya sebagai tempat tinggal bila melawat kawasannya.